

Headline	Bunga teratai tambah seri Tasik Chini		
MediaTitle	Kosmo		
Date	16 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	197,202
Page No	25	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	835 cm ²
Journalist	Oieh SAIFUL BAHARIASHARI	AdValue	RM 21,753
Frequency	Daily	PR Value	RM 65,258



Oleh SAIFUL BAHARI ASHARI

MENYELAMI HIDUP ANDA 25

VARIA

TENANG dan damai di Lembangan Tasik Chini, Pahang.



LAMPAM antara spesies ikan yang menghuni Tasik Chini.

Bunga teratai tambah seri Tasik Chini

TASIK Chini, Pahang merupakan tasik air tawar semula jadi kedua terbesar di negara ini selepas Tasik Bera yang berkeluasan 4,975 hektar. Tasik Chini dikelilingi 12 tasik atau dipanggil laut oleh komuniti tempatan. Komuniti yang mendiami kawasan tersebut terdiri daripada Orang Asli suku Jakun dan Semelai.

Tasik yang sinonim dengan bunga teratai itu dikelilingi hutan tropika yang kaya dengan flora dan fauna. Antara sumber biologi ialah 51 spesies tumbuhan jenis hutan rendah, spesies tumbuhan hutan paya air tawar (15), spesies tumbuhan akuatik (25) dan spesies ikan air tawar 87. Menurut kajian terdapat 200 spesies burung dan 240 spesies ikan di sekitar tasik ini.

Laut-laut yang mengelilingi Tasik Chini ialah Laut Gumum, Pulau Balai, Chenahan, Tanjung Jerangkung, Genting Teratai, Mempitih, Kenawar, Serodong, Melai, Batu Busuk, Labuh dan Jemberau. Kawasan di sekeliling tasik berbukit-bukau dan menyerupai belakang seekor naga. Terdapat gunung di sini yang

Detik
Teks dan Foto SAIFUL BAHARI ASHARI



dikenali sebagai Gunung Chini dengan ketinggian melebihi 800 meter dan diliputi hutan tebal.

Banjir besar yang melanda Pantai Timur 2014 hampir menyapukan pokok-pokok teratai di situ. Atas daya usaha Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Hutan akhirnya berjaya memulihkannya semula. Bagi menikmati keindahan bunga-bunga teratai, pengunjung disarankan datang pada April hingga Ogos. Pada bulan-bulan ini pokok teratai mengeluarkan bunga-bunga yang kembang mekar.

Bagi kaki pancing, Tasik Chini menawarkan cabaran tersendiri. Antara spesies ikan yang terdapat di tasik itu ialah pelampung jaring, tengalan terbul dan lampam. Selain itu, pengunjung juga boleh memberi makan ikan-ikan yang terdapat di sekitar jeti resort Tasik Chini.

Tasik legenda yang masih menyimpan misteri naga, kekayaan sumber alam menggamit sesiapa sahaja untuk menerokanya. Selain menjadi tempat Orang Asli Jakun, khazanah alam itu mesti dijaga sebaiknya daripada sebarang aktiviti yang mengganggu ekosistemnya.



PADA April hingga Ogos merupakan masa teratai di Tasik Chini kembang mekar.



BUNGA teratai begitu sinonim dengan Tasik Chini.



TASIK Chini menjadi tumpuan kaki-kaki pancing dari seluruh negara.